

SMART siap siaga hadapi masalah banjir

04 Oktober 2018 9:02 PM



SMART diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga selama 24 jam sehari berikutan beberapa kejadian banjir yang melanda ibu negara sejak akhir-akhir ini. Gambar fail

KUALA LUMPUR - Pihak pengurusan Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn. Bhd. (SMART) diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga selama 24 jam sehari berikutan beberapa siri kejadian banjir sekitar Lembah Klang sejak kebelakangan ini.

Menurut kenyataan SMART hari ini, pihaknya juga telah melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara menyeluruh terhadap pintu kawalan banjir, pintu kawalan jalan raya dan semua pintu kedap air semasa Ujian Bulanan Terowong SMART pada 26 September lalu bagi memastikan sistem banjir pada terowong berada dalam baik dan mengikut keperluan yang ditetapkan.

"Peranan utama SMART adalah mengurangkan masalah banjir di pusat bandaraya Kuala Lumpur terutama di hub perniagaan utama pusat bandar di Jalan Tun Perak, Jalan Melaka, Lebu Ampang, Dataran Merdeka dan kawasan sekitarnya. Kini kawasan-kawasan tersebut bebas daripada kejadian banjir disebabkan pemantauan berkala yang dijalankan pasukan SMART menerusi sistem terowongnya yang bermula di hulu Sungai Klang," katanya.

SMART juga berkomunikasi secara konsisten dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai keadaan sungai di sekitar Lembah Klang terutama di pertemuan antara Sungai Klang dan Sungai Ampang di mana ia dihubungkan kepada Terowong SMART - Bernama